A

Muhammad Effendy bin Saleh lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — RAYUAN JENAYAH NO DA-41S-7–05 TAHUN 2019
WAN AHMAD FARID H
10 MAC 2021

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan — Perayu membangkitkan bahawa terdapat kecacatan pada pertuduhan — Sama ada kecacatan pada pertuduhan dapat diselamatkan — Kanun Keseksaan s 217 — Kanun Tatacara Jenayah s 154 & 422*

D Ini adalah rayuan perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah majistret yang telah mensabitkan perayu di bawah s 217 Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara selama 18 bulan. Pada 9 Oktober 2017, semasa Sharifah Amirda Shasha ('pengadu') bertugas sebagai timbalan pendakwa raya di Mahkamah Majistret 2 Kota Bharu, Kelantan, pengadu telah
E didatangi oleh perayu. Perayu telah membawa bersamanya satu kertas siasatan ('IP') untuk mendapatkan arahan tuduh daripada pengadu. IP tersebut adalah satu kes narkotik yang berkait dengan satu laporan polis Pengkalan Chepa 6356–6359/17. Kes narkotik tersebut melibatkan tangkapan tiga orang lelaki,
F iaitu Mohd Nasri ('Nasri'), Mohd Tarmizi ('Tarmizi') dan Mohd Farid ('Farid') di dalam sebuah kereta di sebuah kawasan masjid di Pengkalan Chepa. Semasa tangkapan dibuat, satu tiub berisi serbuk putih dijumpai di dalam poket seluar Tarmizi dan dua tiub straw berisi serbuk keputihan dijumpai di dalam papan pemuka kereta berkenaan. Menurut pengadu, setelah menerima IP tersebut daripada perayu, pengadu telah diberitahu oleh perayu yang antara lainnya,
G ialah semasa tangkapan dibuat, hanya Tarmizi berada di dalam kereta, manakala Nasir dan Farid berada di dalam masjid untuk menunaikan solat dan mengesyorkan hanya Tarmizi sahaja dituduh. Walau bagaimanapun, pengadu mendapati bahawa syor perayu semasa taklimat adalah bertentangan dengan syor perayu sendiri di dalam IP tersebut. Pengadu kemudian membuat
H keputusan untuk memberikan arahan tuduh supaya ketiga-tiga suspek dituduh bersama berhubung dengan barang kes yang dijumpai di dalam papan pemuka kereta. Pengadu kemudian mengeluarkan minit arahan tuduh ('eksh P5(A-B)') dan menyerahkan kembali IP tersebut kepada perayu. Pengadu kemudian berjumpa untuk makan malam dengan SP5 yang juga merupakan seorang
I timbalan pendakwa raya di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan. Hasil perbincangan di antara SP5 dan pengadu, mereka menyedari bahawa perayu telah juga memberikan taklimat untuk kes yang sama kepada SP5. SP5 telah mengeluarkan arahan tuduh ('eksh P6') ke atas Tarmizi sahaja dan sementara Nasir dan Farid dicadang untuk dijadikan saksi pendakwaan.

Menurut SP5, semasa dia membuka IP tersebut untuk menulis minit, dia tidak pernah melihat eksh P5(A-B) yang ditulis oleh pengadu. Menyedari mereka bercakap tentang kes yang sama, SP5 telah menghubungi perayu melalui telefon dan mengarahkan perayu untuk membawa IP tersebut kepadanya keesokan harinya. Pada keesokan harinya, pengadu mendapati bahawa arahan beliau telah tiada di dalam kertas IP tersebut, manakala yang tinggal hanya eksh P6. Setelah berbincang dengan pengarah pendakwaan Negeri Kelantan, Idham Abdul Ghani ('SP8'), pengadu telah membuat laporan polis pada 14 November 2017. Perayu kemudian diarah ke pejabat ASP Nik Amin ('SP3'). Perayu telah diminta untuk memberi penjelasan berkaitan ketiadaan minit pengadu di dalam IP tersebut. Di dalam keterangannya, perayu telah mengambil eksh P5(A-B) dan menyerahkan kepada SP3. SP3 mengarahkan perayu untuk membuat siasatan lanjut dan membuat minit sedemikian di dalam IP tersebut. Walau bagaimanapun, SP3 mendapati minit beliau telah tiada di dalam IP semasa SP3 melihat IP tersebut di pejabat SP8. Minit tersebut, kemudiannya diserahkan oleh perayu selepas diminta oleh SP3. SP3 telah membuat catatan di dalam Buku Perharian Balai mengenai penyerahan minit tersebut ('eksh P9'). Di akhir kes pendakwaan, majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa kedua-dua elemen pertuduhan di bawah s 217 Kanun Keseksaan telah dipenuhi dan perayu kemudian diarahkan untuk membela diri dan memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah. Perayu menafikan mengingkari arahan undang-undang yang diberikan kepadanya. Setelah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan, majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah dan pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan munasabah. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu telah merayu kepada Mahkamah Tinggi. Peguam perayu menghujahkan bahawa terdapat kecacatan pada pertuduhan kerana tidak dinyatakan perbuatan atau kesalahan perayu membuang eksh P5(A-B) bagi menunjukkan perayu telah dengan sengaja melanggari perintah undang-undang. Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi adalah sama ada kewujudan keterangan butiran pelanggaran undang-undang semasa perbicaraan dapat menyelamatkan kecacatan pada pertuduhan.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Pertuduhan di bawah s 217 Kanun Keseksaan hendaklah mengambil kira s 154(f) Kanun Tatacara Jenayah dengan menerangkan berkenaan dengan apakah bentuk pengingkaran perintah dan undang-undang yang dilanggari. Mahkamah mendapati bahawa kegagalan untuk menyatakan sedemikian akan menyebabkan perayu tertanya-tanya butiran apakah yang dia telah langgari. Adalah tidak memadai untuk menghujahkan bahawa tertuduh akan mengetahuinya semasa perbicaraan atau ia tidak akan memprejudiskan tertuduh hanya kerana dia diwakili oleh peguam semasa perbicaraan. Mengambil kira s 154(f) Kanun Tatacara Jenayah,

adalah tidak memadai untuk pertuduhan dirangka dengan hanya menyatakan masa, tempat, perintah yang diingkar dan nama-nama orang yang dikatakan hendak diselamatkan daripada menerima hukuman. Pertuduhan tersebut mesti dirangka dengan sebegitu rupa dengan menyatakan butir-butir pengingkaran perintah dan undang-undang manakah telah dilanggari (lihat perenggan 41–43).

(2) Seksyen 422 Kanun Tatacara Jenayah tidak dapat menyelamatkan pertuduhan cacat jika tertuduh telah terkeliru dan berlaku ketidakadilan. Kegagalan responden semasa merangka pertuduhan untuk mematuhi elemen kesalahan akan mengelirukan tertuduh yang menjurus kepada kegagalan keadilan. Atas alasan kecacatan pertuduhan yang tidak dapat diselamatkan oleh s 422 Kanun Tatacara Jenayah, sabitan ke atas perayu adalah tidak selamat (lihat perenggan 45–47).

[English summary

This was an appeal by the appellant who was dissatisfied with the decision of the magistrate court which had convicted the appellant under s 217 of the Penal Code with imprisonment for 18 months. On 9 October 2017, while Sharifah Amirda Shasha ('complainant') was serving as deputy public prosecutor at the Magistrate Court 2 in Kota Bharu, Kelantan, the complainant was approached by the appellant. The appellant had brought with him an investigation paper ('IP') to obtain a charge sheet from the complainant. The IP was a narcotics case related to a Pengkalan Chepa police report 6356–6359/17. The narcotics case involved the arrest of three men, namely Mohd Nasri ('Nasri'), Mohd Tarmizi ('Tarmizi') and Mohd Farid ('Farid') in a car at the vicinity of the mosque in Pengkalan Chepa. During the arrest, a tube containing white powder was found in Tarmizi's pocket pants and two straw tubes containing whitish powder were found in the dashboard of the car. According to the complainant, after receiving the IP from the appellant, the complainant was informed by the appellant that among others, when the arrest was made, only Tarmizi was in the car, while Nasir and Farid were in the mosque to perform prayers and proceeded to recommend to only charge Tarmizi. However, it was found that the appellant's recommendation during the briefing was contrary to the appellant's own recommendation in the IP. The complainant then decided to issue charge order so that the three suspects were charged together, for the items found in the dashboard of the car. The complainant then issued charge sheet in the minutes ('exh P5(A-B)') and handed back the IP to the appellant. The complainant then met with SP5 who was also the deputy public prosecutor at the Kelantan State Legal Adviser's Office for dinner. As a result of the discussion between SP5 and the complainant, they realized that the appellant had also given a briefing of the same case to SP5. SP5 had issued a charge sheet ('exh P6') on Tarmizi only while Nasir and Farid were proposed to be the prosecution witnesses. According to SP5, when he opened the IP to write the minutes, he did not see

eksh P5(A-B) written by the complainant. Realizing they were talking about the same case, SP5 had contacted the appellant by phone and instructed the appellant to bring the IP to him the next day. The next day, the complainant found that her instructions were missing in the IP paper, while only eksh P6 remained. Pursuant to the discussion with the director of prosecution of the Kelantan state, Idham Abdul Ghani ('SP8'), the complainant lodged a police report on 14 November 2017. The appellant was then directed to the office of ASP Nik Amin ('SP3'). The appellant was asked to provide an explanation regarding the absence of the complainant's minutes in the IP. In his statement, the appellant took exh P5(A-B) and handed it over to SP3. SP3 directed the appellant to make further inquiries and to note the minutes in the said IP. However, SP3 found that his minutes were not in the IP when SP3 saw the IP in SP8's office. The minutes were then handed over by the appellant after being requested by SP3. SP3 made a note in the Perharian Balai book on the submission of the minutes ('exh P9'). At the end of the prosecution case, the learned magistrate found that both elements of the charge under s 217 of the Penal Code had been met and the appellant was then directed to defend himself and chose to testify under oath. Appellant denied disobeying the legal instructions given to him. Having examined the whole of the evidence adduced, the learned magistrate found that the prosecution has succeeded in proving the case beyond a reasonable doubt and the defense has failed to raise any reasonable doubt. Upset with the decision, the appellant appealed to the High Court. Appellant's counsel argued that there was a defect in the charge as it did not state the act or offense of the appellant dismissing exh P5(A-B) to show that the appellant had intentionally contravened the order of law. The issue to be determined by the High Court whether the existence of detailed evidence of the breach of law during the trial can save the defect on the charge.

Held, allowing the appeal:

(1) A charge under s 217 of the Penal Code shall take into account s 154(f) of the Criminal Procedure Code by explaining in respect of what form the breach of order and law is violated. The court found that failure to state the form of breach would cause the appellant to wonder what details he had violated. It was not sufficient to argue that the accused would have known it during the trial or that it would not have prejudiced the accused simply because he was represented by counsel during the trial. Taking into account s 154(f) of the Criminal Procedure Code, it was not sufficient for a charge to be framed by simply stating the time, place, order disobeyed and the names of the persons alleged to be rescued from receiving punishment. The charge must be framed in such a way as to state the details of the breach of the order and which law has been breached (see paras 41–43).

(2) Section 422 of the Criminal Procedure Code cannot save a defected charge if the accused has been mistaken and injustice has occurred. The

failure of the respondent in drafting the charge to comply with the elements of the offense will confuse the accused leading to failure of justice. On the ground that the defect of the charge cannot be saved by s 422 of the Criminal Procedure Code, the conviction of the appellant was unsafe (see paras 45–47).]

Kes-kes yang dirujuk

PP v Dato' Saidin Thamby [2012] 3 MLJ 476; [2012] 4 CLJ 15, MR (dirujuk)
PP v Teoh Choon Teck [1963] MLJ 34 (dirujuk)
Ravindran a/l Ramasamy v PP [2015] 6 MLJ 509, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 12(2)
Kanun Tatacara Jenayah ss 154, 154(f), 422
Kanun Keseksaan s 217

Sukri bin Mohamed (Syed Muhammad Syafiq bin Syed Abu Bakar bersamanya) (Wan Haron Sukri & Nordin) bagi pihak perayu.
Hajarul Falenna Ittah bt Abu Bakar Adli (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri Kelantan) bagi pihak responden.

Wan Ahmad Farid H:

[1] Di hadapan saya ialah satu rayuan jenayah yang berbangkit daripada keputusan Mahkamah Majistret Kota Bharu pada 21 Mei 2019.

[2] Perayu, yang pada masa yang material ialah seorang penjawat awam, telah dipertuduhkan dengan satu pertuduhan di bawah s 217 Kanun Keseksaan. Pertuduhan tersebut adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 9/10/2017 jam lebih kurang 8.30 pagi hingga 11.00 pagi di Mahkamah Kota Bharu di Daerah Kota Bharu di Negeri Kelantan sebagai seorang kakitangan awam dengan sendirinya mengingkar perintah undang-undang yang diberi kepada kamu sebagai kakitangan awam, iaitu dengan niat hendak menyelamatkan Mohd Nasri Bin Saleh Kpt: 761023–06–5365 dan Mohd Farid Bin Saleh Kpt: 700801–71–5135 daripada menerima sesuatu hukuman dengan niat menyelamatkan daripada lain-lain tuduhan terhadapnya mengikut undang-undang. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 217 Kanun Keseksaan dan bolehlah dihukum di bawah peruntukan yang sama.

Di akhir kes, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan dan dikenakan dengan hukuman penjara 18 bulan.

DI MAHKAMAH MAJISTRET

[3] Kes pendakwaan seperti yang dapat disaring daripada alasan penghakiman majistret yang bijaksana telah seperti berikut. Pada pagi 9 Oktober 2017, semasa pengadu, Sharifah Amirda Shasha bertugas sebagai timbalan pendakwa raya di Mahkamah Majistret 2 Kota Bharu, Kelantan, dia telah didatangi oleh perayu.

[4] Perayu telah membawa bersamanya, satu kertas siasatan ('IP') untuk mendapatkan arahan tuduh daripada pengadu.

[5] IP tersebut adalah satu kes narkotik yang berkait dengan satu laporan polis Pengkalan Chepa 6356–6359/17 yang ditanda sebagai eksh P1A. Kes narkotik tersebut melibatkan tangkapan tiga orang lelaki, iaitu Mohd Nasri ('Nasri'), Mohd Tarmizi ('Tarmizi') dan Mohd Farid ('Farid') di dalam sebuah kereta di sebuah kawasan masjid di Pengkalan Chepa.

[6] Semasa tangkapan dibuat, satu tiub berisi serbuk putih dan poket seluar Tarmizi dan dua tiub straw berisi serbuk keputihan di dalam dashboard kereta berkenaan.

[7] Menurut pengadu, setelah menerima IP tersebut daripada perayu, pengadu telah ditaklimatkan oleh perayu yang antara lainnya ialah semasa tangkapan dibuat, hanya Tarmizi berada di dalam kereta, manakala Nasir dan Farid berada di dalam masjid untuk menunaikan solat.

[8] Pada masa taklimat tersebut, perayu mengesyorkan hanya Tarmizi sahaja dituduh.

[9] Tetapi setelah meneliti IP tersebut, pengadu mendapati bahawa syor perayu semasa taklimat adalah bertentangan dengan syor perayu sendiri di dalam IP tersebut.

[10] Pengadu kemudian membuat keputusan untuk memberikan arahan tuduh supaya ketiga-tiga suspek dituduh bersama berhubung dengan barang kes yang dijumpai di dalam dashboard kereta.

[11] Pengadu kemudian mengeluarkan minit arahan tuduh dan menyerahkan kembali IP tersebut kepada perayu. Minit arahan tersebut ditanda sebagai eksh P5(A-B).

[12] Pengadu kemudian berjumpa untuk makan malam dengan SP5, Hamidah Mahmood, seorang rakan sejawat pengadu, yang pada masa yang material juga merupakan seorang TPR di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.

[13] Hasil perbincangan di antara SP5 dan pengadu, mereka menyedari bahawa perayu telah juga memberikan taklimat kepada SP5 untuk kes yang sama. Hasil dari taklimat tersebut, SP5 juga mengeluarkan arahan tuduh, tetapi ke atas Tarmizi sahaja dan sementara Nasir dan Farid dicadang untuk dijadikan saksi pendakwaan. Minit tersebut ditanda sebagai eksh P6.

[14] Menurut SP5, semasa dia membuka IP tersebut untuk menulis minit, dia tidak pernah melihat minit yang ditulis oleh pengadu di dalam eksh P5(A-B). Menyedari tentang mereka bercakap tentang kes yang sama, SP5 telah menghubungi perayu melalui telefon. Antara lainnya SP5 mengarahkan perayu untuk membawa IP tersebut kepadanya keesokan harinya,

[15] Pada keesokan harinya, pengadu telah melihat semula IP tersebut dan mendapati bahawa arahan beliau telah tiada di dalam kertas IP tersebut. Yang tinggal hanya eksh P6 iaitu minit arahan tuduh oleh SP5.

[16] Pengadu kemudian setelah berbincang dengan Pengarah Pendakwaan Negeri Kelantan, Idham Abdul Ghani, SP8, telah membuat laporan polis pada 14 November 2017.

[17] Perayu kemudian diarah ke pejabat SP3, ASP Nik Amin, yang pada masa material ialah Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Daerah Kota Bharu. Perayu telah diminta untuk memberi penjelasan berkait dengan IP tersebut dan ketiadaan minit pengadu di dalamnya. Di dalam keterangannya, SP3 mengatakan selepas itu, perayu telah mengambil eksh P5(A-B) dan menyerahkan kepadanya.

[18] SP3 telah membuat catatan mengenai perkara tersebut di dalam Buku Perharian Balai dan ditandakan sebagai eksh P7.

[19] SP3 seterusnya mengarahkan perayu untuk membuat siasatan lanjut dan membuat minit sedemikian di dalam IP tersebut. Bagaimanapun, semasa SP3 melihat IP tersebut di pejabat SP8, SP3 mendapati minit beliau telah tiada di dalamnya.

[20] Minit tersebut, kemudiannya diserahkan oleh perayu selepas diminta oleh SP3. SP3 telah membuat catatan di dalam buku Peharian Balai mengenai penyerahan minit tersebut yang kemudiannya ditanda sebagai eksh P9.

[21] Di akhir kes pendakwaan, majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa kedua-dua elemen pertuduhan di bawah s 217 KK telah dipenuhi:

(a) perayu sebagai penjawat awam dengan sengaja mengingkari arahan undang-undang; dan

(b) dengan niat untuk menyelamatkan seseorang daripada dikenakan dengan sebarang hukuman.

[22] Majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa sebagai seorang penjawat awam, tindakan perayu membuang minit arahan tuduh pengadu dan selepas itu mendapatkan minit arahan baru dari SP5 untuk perkara yang sama adalah terjumlah kepada sengaja mengingkari perintah undang-undang, iaitu arahan tuduh oleh SP2.

[23] Berhubung dengan elemen kedua pula, perbuatan perayu membuang minit pengadu dan seterusnya mendapatkan minit kedua daripada SP5 menunjukkan bahawa perayu berbuat demikian dengan niat hendak mengelakkan Nasir dan Farid daripada pertuduhan. Perayu sebagai pegawai penyiasat di dalam kes dadah tersebut mengetahui bahawa sekiranya minit pengadu dilaksanakan oleh beliau, Nasir dan Farid akan turut sama dipertuduhkan untuk kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB').

[24] Di akhir kes pendakwaan, dan di atas penilaian maksima, majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa elemen-elemen pertuduhan telah dibuktikan oleh pendakwaan.

[25] Perayu kemudian diarah untuk membela diri dan memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah.

KES PEMBELAAN

[26] Hanya perayu yang memberikan keterangan di dalam pembelaannya.

[27] Pembelaan perayu di dalam keterangannya bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) perayu mengatakan bahawa pada catatan minit beliau di dalam IP bertarikh 8 Oktober 2017 beliau ada membuat syor supaya Tarmizi dituduh di bawah ADB kerana dadah dijumpai di dalam poket Tarmizi;

(b) untuk penemuan dadah di dalam *dashboard* kereta, perayu mengatakan bahawa beliau telah mengesyorkan kesemua suspek yang terlibat dengan tangkapan dituduh;

(c) seterusnya perayu mengatakan bahawa selepas berjumpa dengan pengadu dan mendapatkan minit dari pengadu pada 9 Oktober 2017 beliau telah pulang ke pejabat;

(d) di pejabat, perayu menyedari bahawa tali pengikat IP tersebut telah putus dan kertas IP berkenaan terburai jatuh ke lantai. Perayu cuba mencari minit dari pengadu di dalam eksh P5(A-B) tetapi tidak berhasil;

(e) perayu kemudian, menyedari akan kehilangan minit pengadu tersebut telah bergegas ke mahkamah untuk mencari pengadu tetapi tidak berjumpa. Perayu kemudian berjumpa dengan SP5 dan mengesyorkan kepada SP5 untuk mendakwa Tarmizi sahaja dan menjadikan Nasir dan Farid sebagai saksi pendakwaan;

(f) perayu mengatakan bahawa beliau bertindak demikian kerana perayu terpaksa ke Johor untuk mengambil suspek kes lain dan reman ketiga-tiga saspek itu akan tamat dan apa-apa pertuduhan perlu disegerakan;

(g) perayu kemudian menjumpai semula P5(A-B) yang terletak di belakang kertas IP tersebut yang masih berada di dalam keadaan elok;

(h) pada 10 Oktober 2017 atas arahan SP5, perayu telah berjumpa dengan pengadu dan menyerahkan kertas IP tersebut kepada pengadu. Walau bagaimanapun, perayu tidak diserahkan apa-apa dokumen untuk bukti serahan IP tersebut kepada pengadu;

(i) pada jam 3 petang hari yang sama perayu telah bertolak ke Simpang Renggam, Johor untuk tugas jabatan.

(j) pada 13 Oktober 2017, perayu telah temui SP8, SP5 dan pengadu dan memaklumkan kepada mereka bahawa P5(A-B) sebenarnya tidak dibuang atau tercicir tetapi berada di dalam folio lain;

(k) ringkasnya perayu menafikan pernah mencadangkan kepada pengadu untuk hanya menuduh Tarmizi sahaja; dan

(l) selepas mendapat minit dari pengadu, perayu mengatakan bahawa beliau tidak tahu isi kandungan P5(A-B) tersebut kerana selepas mendapat minit tersebut beliau terus balik ke IPD.

[28] Atas alasan-alasan tersebut perayu menafikan mengingkari arahan undang-undang yang diberikan kepadanya.

DAPATAN MAHKAMAH MAJISTRET

[29] Majistret yang bijaksana mendapati bahawa keterangan perayu kononnya P5(A-B) adalah tercicir kerana IP tersebut jatuh terburai adalah satu penafian kosong semata-mata.

[30] Menurut majistret yang bijaksana, keterangan perayu tersebut adalah bercanggah dengan keterangan SP8 dan SP5. SP8, khususnya mengatakan bahawa perayu memaklumkan kepadanya beliau perayu memang membuat minit dari pengadu dengan alasan perayu tidak mempercayai pengadu kerana pengadu ialah TPR masih baru.

[31] Keterangan SP8 ini disokong oleh keterangan SP3 yang mengatakan bahawa perayu telah menyerahkan minit arahan pengadu kepada SP3 seperti catatan di dalam eksh P7.

[32] Selain daripada itu majistret yang bijaksana seterusnya mendapati bahawa keterangan perayu bahawa P5(A-B) adalah tercicir dan terselit di dalam folio lain adalah satu pemikiran semula kerana isu ini tidak pernah diajukan kepada pengadu, SP3 dan SP5.

[33] Oleh itu keterangan pembelaan ditolak oleh majistret yang bijaksana.

[34] Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan secara keseluruhannya, adalah menjadi dapatan majistret yang bijaksana bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah dan pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan munasabah. Perayu disabitkan dan dihukum seperti yang dinyatakan.

[35] Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu telah merayu kepada mahkamah ini.

DI MAHKAMAH TINGGI

[36] Asas utama rayuan yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar ialah pertuduhan yang dikemukakan ke atas perayu ialah buruk dan cacat di sisi undang-undang. Apakah kedudukan undang-undang di dalam isu ini? Berhubung dengan perkara ini panduan boleh didapati daripada s 154 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Di dalam ilustrasi (f) ada diperuntukkan:

> A is accused of disobeying a direction of the law with intent to save B from punishment. The charge must set out the disobedience charged and the law infringed.

[37] Peguam terpelajar, selepas merujuk kepada pertuduhan ke atas perayu menghujahkan bahawa tidak dinyatakan langsung perbuatan atau kesalahan perayu membuang minit eksh P5(A-B) tersebut bagi menunjukkan beliau telah dengan sengaja melanggari perintah undang-undang.

[38] Berdasarkan kepada pertuduhan yang dikemukakan ke atas perayu, peguam terpelajar mempersoalkan: (i) apakah perintah undang-undang yang telah dilanggari oleh perayu; (ii) perbuatan apakah yang dilakukan oleh perayu yang terjumlah kepada pelanggaran undang-undang tersebut; dan (iii) bagaimana perayu telah menyelamatkan Nasri dan Farid daripada menerima hukuman.

[39] Ketika menyampaikan hujah balas, TPR terpelajar sedia akui bahawa di dalam pertuduhan kepada perayu, tidak dinyatakan undang-undang yang dilanggar oleh perayu. Namun menurut TPR terpelajar, ini tidak menjadikan pertuduhan itu cacat kerana:

(a) keterangan saksi-saksi pendakwaan di dalam kes di dalam rayuan telah memberikan keterangan yang kuat dan jelas tentang kesalahan yang dilakukan oleh perayu; dan

(b) perayu tidak pernah menyatakan ketika prosiding di mahkamah bicara bahawa dia terkeliru dengan pertuduhan yang dibuat dan sekali gus telah memprejudiskan dirinya di dalam membuat persiapan pembelaan.

[40] Persoalan undang-undang yang harus dijawab di mahkamah ini adakah hanya kerana terdapat keterangan butiran pelanggaran undang-undang semasa perbicaraan dapat menyelamatkan kecacatan pertuduhan tersebut? Jawapan ringkas kepada persoalan ini ialah tidak.

[41] Pada hemat mahkamah ini, pertuduhan di bawah s 217 KK hendaklah mengambil kira s 154(f) KTJ dengan menerangkan berkenaan dengan apakah bentuk pengingkaran perintah dan undang-undang yang dilanggari — *the disobedience charged and the law infringed*.

[42] Adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa kegagalan untuk menyatakan sedemikian akan menyebabkan perayu tertanya-tanya butiran apakah yang dia telah langgari. Adalah tidak memadai untuk menghujahkan bahawa tertuduh akan mengetahuinya semasa perbicaraan atau ia tidak akan memprejudiskan tertuduh hanya kerana dia diwakili oleh peguam semasa perbicaraan.

[43] Mengambil kira s 154(f) KTJ, adalah tidak memadai untuk pertuduhan dirangka dengan hanya menyatakan masa, tempat, ada perintah yang diingkar, nama-nama orang yang dikatakan hendak diselamatkan

daripada menerima hukuman. Pertuduhan tersebut, seperti yang dinyatakan di dalam s 154(f) KTJ mesti dirangka dengan sebegitu rupa dengan menyatakan butir-butir pengingkaran perintah dan undang-undang manakah telah dilanggari.

[44] Hepworth H di dalam kes *Public Prosecutor v Teoh Choon Teck* [1963] MLJ 34 memberikan panduan tentang kedudukan undang-undang ini:

> If there be any one principle of criminal law and justice clearer and more obvious than all others, it is that the offence imputed must be positively and precisely stated, so that the accused may certainly know with what he is charged, and be prepared to answer the charge as best he may (*Lim Beh & Ors v Opium Farmer* (1842) 3 Ky 10). A charge should be so drawn that the accused should know exactly and with particularity the case which he has to meet and he should not be left guessing as to which of a number of alternatives he is alleged to have offended against.

[45] Persoalan seterusnya, adakah tinggalan perbuatan di dalam merangka pertuduhan ini dapat diselamatkan oleh s 422 KTJ? Persoalan ini dijawab oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ravindran a/l Ramasamy v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 509 (MP). Di dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa ss 156 dan/atau 422 KTJ tidak dapat menyelamatkan pertuduhan cacat jika tertuduh telah terkeliru dan berlaku ketidakadilan. Ketika menyampai penghakiman mahkamah Jeffrey Tan HMP membuat pengamatan berikut:

> This is because where it was an error or omission in stating the ingredients of an offence, it had been consistently held by the courts that the accused would have been misled and that there must have been a failure of justice.

[46] Oleh itu kegagalan pendakwaan semasa merangka pertuduhan untuk mematuhi ingredien kesalahan telah diputuskan oleh mahkamah tertinggi negara ini bahawa ia akan mengelirukan tertuduh yang menjurus kepada kegagalan keadilan.

[47] Atas alasan kecacatan pertuduhan yang tidak dapat diselamatkan oleh s 422 KTJ, sabitan ke atas perayu adalah tidak lagi selamat.

[48] Mahkamah ini dukacita kerana terpaksa membuat pendirian sebegini dan melepaskan dan membebaskan perayu hanya kerana alasan teknikal. Tetapi perayu sebagai tertuduh, boleh mengambil kesempatan teknikal ini kerana ia dibenarkan oleh undang-undang.

[49] Mahkamah ini mengambil peluang ini untuk memberi pedoman kepada pendakwaan supaya lebih berhati-hati di dalam merangka pertuduhan yang ke atasnya boleh diambil kesempatan oleh tertuduh di peringkat rayuan. Mahkamah Rayuan menyatakan skop dan tugas pendakwaan di dalam kes

A *Public Prosecutor v Dato' Saidin Thamby* [2012] 3 MLJ 476; [2012] 4 CLJ 15 (MR):

> It is the duty of the prosecution to determine the most appropriate charge based on the particular facts and circumstances of the case.

B **[50]** Atas alasan tersebut rayuan ini diterima dan keputusan mahkamah majistret dengan ini diakaskan.

[51] Perayu dengan ini dibebaskan dan dilepaskan.

C *Rayuan dibenarkan; perayu dibebaskan dan dilepaskan.*

Dilaporkan oleh Rafinie Ramli

D

E

F

G

H

I